

12/05/1997

Guru bestari harus bijak bawa perubahan

Zainor Said; Rudy Sham Ab Raof

BERDASARKAN tema Hari Guru tahun ini, jelas menampakkan kesungguhan kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan untuk memodenkan bidang pendidikan negara seterusnya mencapai tahap kualiti bertaraf dunia.

Tema Hari Guru tahun ini, Guru Bestari Sekolah Bestari mencerminkan betapa pentingnya guru itu harus berfungsi secara bijaksana sesuai dengan perubahan persekitaran untuk menjadikan sekolah sebagai institusi yang mampu melahirkan insan cemerlang.

Tema itu meletakkan guru pada landasan yang seiring dengan usaha kerajaan ke arah mewujudkan konsep sekolah bestari menjelang 1999 yang menjadi satu daripada prasarana canggih yang akan wujud dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Usaha untuk memodenkan pendidikan negara itu juga sejajar dengan wawasan Kementerian Pendidikan yang antara lain mahu menjadikan negara ini sebagai pusat kegemilangan ilmu terkemuka.

Pemilihan tema itu membuktikan kerajaan bukan saja mengiktiraf kewibawaan, kebolehan serta kemampuan guru menghadapi cabaran masa depan, malah bersedia membawa perubahan ke arah pemodenan bidang pendidikan dengan memberi penekanan terhadap sains dan teknologi sekali gus menjayakan Wawasan 2020.

"Kita memilih tema ini untuk menggambarkan hasrat mencapai pendidikan berkualiti iaitu satu sistem yang bukan saja menguasai teknologi maklumat, malah boleh mengembangkan program baru dalam dunia pendidikan," kata Ketua Pengarah Pendidikan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Hari Guru, Datuk Matnor Daim kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Menurutnya, walaupun teknologi adalah bidang penting untuk memodenkan sistem pendidikan negara tetapi masih ada faktor lain yang perlu dipertimbangkan supaya negara tidak tercicir sebaliknya terus berada dalam arus perdana kemajuan.

"Ini kerana, kita mahu generasi yang dibentuk bukan saja generasi celik teknologi malah boleh mengembangkan teknologi serta menggunakannya sebagai pendekatan untuk merujuk kepada pemikiran yang kreatif dan inovatif.

"Saya juga mengakui bahawa generasi sekarang berada dalam satu konsesi globalisasi dan moden serta yakin negara mampu mencapai tahap yang membanggakan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, apa yang diinginkan dan akan dibentuk oleh kementerian ialah sesuatu yang lebih baik dan mantap supaya sistem pendidikan negara bertaraf dunia.

"Kita sudah tahu bahawa kerajaan akan mewujudkan sekolah bestari. Ia adalah salah satu cara, bukan hanya setakat menambah ilmu pengetahuan, malah memanfaatkan teknologi terkini.

"Dengan gabungan antara teknologi dan guru, saya yakin pendidikan negara dapat bergerak ke satu tahap di mana boleh membangunkan minda sekali gus menjuruskan kepada masyarakat teknologi," katanya.

Pelancaran sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan tahun ini akan berlangsung di Dewan Sukpa, Pahang, 16 Mei ini. Sempena sambutan itu, empat tokoh pendidik berwibawa dan membuktikan kecemerlangan dalam meningkatkan mutu pendidikan negara akan diisytiharkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melakukan pelancaran sambutan yang dibuat kali kelima di luar Kuala Lumpur, selepas Kuching pada 1993, Alor Setar (1994), Johor Bahru (1995) dan Kuala

Terengganu tahun lalu.

Sejak dilaksanakan 26 tahun lalu, pelbagai tema dipilih sempena sambutan itu. Bagaimanapun, pemerhati berpendapat semua tema sebelum ini lebih menjurus kepada aspek berkaitan guru, masyarakat dan negara.

Antara tema sebelum ini yang tidak kurang hebatnya kerana mempunyai objektif tersendiri ialah tema tahun lalu iaitu Guru Malaysia Teras Pendidikan Bertaraf Dunia, Permuafakatan dan Perpaduan Menjayakan Wawasan (1995), Guru Inovatif dan Kreatif Menjayakan Wawasan (1994 dan 1993) dan Guru Cemerlang Teras Kejayaan Wawasan (1992).

Pelancaran pada tahun ini akan diserikan dengan beberapa acara unik serta canggih sesuai dengan temanya yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi canggih dan era teknologi maklumat.

Ketika ditanya mengenai ciri-ciri yang perlu ada pada diri seorang guru bestari, Matnor berkata, seseorang guru bestari haruslah dicerminkan daripada sikap individu itu sendiri.

"Guru bestari adalah insan yang memilih profesion perguruan untuk membawa perubahan. Oleh itu, dia (guru) perlu tahu masa depan yang akan dipenuhi dengan perubahan.

"Guru berkenaan juga perlu bijak menyesuaikan diri dalam bilik darjah dan memainkan peranan utama untuk menghadapi zaman teknologi canggih pada masa depan.

"Guru bestari bukan sahaja bijak menyampaikan maklumat tepat kepada pelajarnya, malah sebagai pemudahcara bagi menggalakkan murid menguasai bidang teknologi seperti komputer dan Internet.

Atas kesedaran itu, katanya, kerajaan bukan lagi hanya mahu mewujudkan pekerja yang mahir dari segi jumlahnya, malah mencipta insan yang boleh membangunkan insan lain secara total.

Mengenai sambutan Hari Guru tahun ini pula, Matnor menjelaskan empat tokoh yang membuktikan kecemerlangannya dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan negara akan dikalungkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan (TGBK).

Dengan pengisytiharan empat lagi TGBK itu, jumlah tokoh guru yang diberi anugerah kini tidak kurang daripada 88 orang.

Selain Tokoh Guru Kebangsaan, tiga lagi anugerah akan disampaikan iaitu Sekolah Harapan Negara bagi sekolah rendah bandar/luar bandar dan sekolah menengah bandar/luar bandar, Guru Cemerlang Pendidikan Khas dan Guru Inovatif.

Apa yang menarik ialah, Matnor juga mengumumkan mulai tahun depan, kerajaan akan mewujudkan satu lagi anugerah yang dinamakan Anugerah Guru Negara (AGN) sebagai ganjaran kepada tokoh guru paling cemerlang dan memberi sumbangan besar kepada bidang pendidikan negara sempena Hari Guru.

Ganjaran itu merupakan anugerah serta pengiktirafan tertinggi bagi seseorang guru yang berbeza berbanding sebarang anugerah yang pernah diterima oleh seseorang individu dalam profesion lain di negara ini.

Menurutnya, di samping bagi membuktikan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan guru, langkah mewujudkan anugerah itu juga bertujuan menaikkan imej serta martabat profesion keguruan.

Katanya, anugerah baru itu secara tidak langsung akan meletakkan pengiktirafan terhadap pengorbanan guru setanding dengan pengiktirafan tertinggi yang diberi kepada tokoh dalam profesion lain seperti Sasterawan Negara.

Beliau tidak menafikan anugerah itu akan turut menyediakan ganjaran wang tunai yang mungkin lebih lumayan berbanding ganjaran kepada anugerah lain.

Buat masa ini anugerah tertinggi yang diberikan sempena sambutan Hari Guru Tokoh Guru Kebangsaan hanya menerima pingat emas, plak dan sijil penghargaan tanpa ganjaran wang tunai.

Anugerah itu diberikan kepada beberapa tokoh guru yang didapati memberi sumbangan besar kepada bidang pendidikan negara dan memenuhi kriteria yang

ditetapkan.

"Kami menyadari ganjaran yang diberikan selama ini tidak memadai berbanding sumbangan, jasa serta pengorbanan yang diberikan oleh guru.

Bagaimanapun Mat Noor berkata, Anugerah Guru Negara itu tidak semestinya diberikan setiap tahun kecuali terdapat calon yang benar-benar layak dan memenuhi syarat.

Kementerian tidak bercadang untuk mengganti Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan yang sudah diwujudkan sejak 1972 walaupun Anugerah Guru Negara ini diperkenalkan.

Diminta mengulas mengenai ada pihak yang mendakwa selepas sambutan Hari Guru, temanya sering dilupakan begitu saja, beliau menyangkal dakwaan itu kerana konsep sekolah bestari yang akan wujud pada 1999 merupakan matlamat yang ingin dicapai hasil daripada usaha yang dilakukan sekarang.

"Tema tahun ini misalnya adalah kesinambungan tema tahun lalu iaitu Guru Malaysia Teras Pendidikan Bertaraf Dunia yang mencerminkan usaha berterusan meningkatkan pendidikan ke tahap lebih baik.

"Jika ada orang beranggapan tema sebelum ini dilupakan, mereka salah, kerana sekolah bestari yang akan dilaksanakan adalah sekolah yang bertaraf dunia dan merupakan salah sebuah sekolah pertama yang memasuki unsur nilai dalam kurikulumnya," kata Matnor.